



**TEKS UCAPAN ALUAN  
YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN  
KETUA PENGARAH  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**Sempena  
MAJLIS PERASMIAN  
SEMINAR DAN BENGKEL PENULISAN &  
PENERBITAN SAINTIFIK 2024**

**Pada  
06 OGOS 2024, 9.00 PAGI**

**Di  
HOTEL PACIFIC REGENCY BEACH RESORT  
PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN**

**Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**(Salutasi akan dikemaskini dari masa ke masa)**

- 1. YBrs. Puan Ruziah binti Shafei**  
Timbalan Ketua Setiausaha  
(Perancangan dan Pembudayaan Sains)  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- 2. YBrs. Dr. Hazami bin Jahari**  
Ketua Pengarah  
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- 3. YBrs. Puan Hazami binti Habib**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Akademi Sains Malaysia
- 4. YBrs. Dr. Muhammad Rawi Bin Mohamed Zin**  
Timbalan Ketua Pengarah  
Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi  
Agensi Nuklear Malaysia
- 5. YBrs. Dr. Nor Pa'iza Bin Mohamad Hasan**  
Pengarah Kanan  
Program Pengkomersilan & Perancangan Teknologi  
Agensi Nuklear Malaysia merangkap  
Pengerusi Jawantankuasa Penganjur Seminar dan  
Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2024
- 6. Ketua-ketua jabatan dan agensi**
- 7. Pembentang – pembentang kertas kerja**
- 8. Para peserta dan hadirin yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

## **KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta limpah kurnia NYA dapat kita bersama-sama hadir bagi menjayakan majlis ilmu **Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik bagi tahun 2024.**
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada **YBrs. Puan Ruziah binti Shafei khususnya**, semua panel penceramah jemputan dan tuan-tuan, puan-puan yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita pada hari ini. Program ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa sokongan daripada hadirin semua.
3. Sesungguhnya kehadiran **YBrs. Puan Ruziah binti Shafei**, tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan iltizam, kesungguhan dan kesediaan yang tinggi untuk sama-sama meredah dan menerokai pelbagai kaedah yang terbaik dalam memartabatkan Bahasa Melayu dalam penulisan dan penerbitan saintifik. Saya berharap, pertemuan yang singkat dalam seminar yang akan berlangsung selama tiga hari ini bermula hari ini dapat memanfaatkan dan perkongsian ilmu ini akan menghasilkan impak yang terbaik kepada kita semua.

Hadirin dan hadirat sekalian,

## **LATAR BELAKANG SEMINAR**

4. Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Saintifik 2024 merupakan seminar kali ke-14 dan telah berjaya menjadi salah satu program tahunan sejak kali pertama dianjurkan pada tahun 2008. Lokasi penganjuran diadakan di pelbagai negeri bagi membuka peluang dan ruang bagi mendekati masyarakat setempat untuk menyertai seminar ini. Penganjuran kali ini, Port Dickson, Negeri Sembilan telah menjadi lokasi pilihan untuk kita sama-sama menimba ilmu dan memartabatkan Bahasa Melayu dalam penulisan dan penerbitan saintifik.
5. Tema seminar pada tahun ini, "**Memperkasakan Penulisan Saintifik Memacu Masyarakat Madani**" telah dipilih bersesuaian dengan usaha kerajaan untuk membina sebuah masyarakat MADANI untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan. Penghayatan ilmu dan penguasaan kemahiran pemikiran aras tinggi dalam kalangan individu boleh menjadi pemangkin ke arah pembentukan masyarakat MADANI yang maju, berkat dan sejahtera dalam mengangkat martabat ummah.
6. Kita tidak dapat menyangkal kenyataan dan fakta bahawa perkembangan sains dan teknologi masa kini yang begitu cepat drastik perubahan dan ditambah dengan pengaruh globalisasi, AI teknologi telah menyedarkan para majikan tentang keperluan latihan dan pembangunan pekerja.

7. Justeru, bagaimana sains dapat membantu membangunkan masyarakat MADANI, persoalan ini harus dijawab kita semua. Dalam usaha merakyatkan sains, hasil kajian yang diperolehi daripada penyelidikan perlu disebarluas dan diuar-uarkan kepada masyarakat agar ia dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Ini selaras dalam konteks pelaksanaan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 dengan tema Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R).
  
8. Cabaran ini menjadi satu titik tolak permulaan dalam usaha seorang penulis yang mempunyai idea dalam usaha mereka untuk melontarkan sebuah skrip atau hasil penulisan yang bermutu tinggi serta menarik minat pembaca, sekaligus setanding dengan karya-karya saintifik yang diterbitkan oleh pasaran Antarabangsa. Ianya menjadi satu kepentingan menterjemahkan hasil kajian kepada karya saintifik supaya menjadi bahan rujukan dan hasil kajian dapat dimanfaatkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

## **AGENDA PROGRAM**

9. Pada kali ini, 13 pembentangan merangkumi 1 ucap tema, 4 ucap utama dan 8 pembentang kertas kerja diikuti bengkel yang akan disampaikan oleh tokoh-tokoh jemputan yang memfokuskan berkaitan sains, teknologi dan inovasi, penyediaan bahan, gaya dan teknik penulisan, penulisan alaf baru serta cabaran penulisan dan penerbitan yang akan dikongsi dan dikupas bersama.

10. Matlamat utama penganjuran Seminar dan Bengkel Penulisan & Penerbitan Sainifik ini adalah untuk membina profesionalisme dalam bidang penulisan dan penerbitan saintifik disamping mendedahkan peserta kepada dunia penulisan dan penerbitan bagi meningkatkan mutu dan produktiviti hasil karya.
  
11. Usaha ke arah menyuburkan karya-karya ini adalah amat perlu untuk mewujudkan generasi pelapis dalam mencungkil bakat dan menanam minat terutamanya generasi muda. Ini dapat dicapai dengan memberikan ruang laluan mudah atau aksesibiliti kepada ilmu pengetahuan yang berkaitan bagi mencapai matlamat ini, seperti majlis ilmu yang kita anjurkan pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

### **PERANAN AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

12. Sehubungan itu, sebagai sebuah agensi yang mempunyai kepakaran dalam teknologi nuklear, Nuklear Malaysia bertanggungjawab untuk mengurus ilmu pengetahuan hasil daripada aktiviti penyelidikan dengan baik bagi memastikan kelestarian pengetahuan nuklear dan menjadi rujukan kepada generasi pelapis, universiti, para penyelidik dan orang awam. Nuklear Malaysia juga amat menitikberatkan aktiviti penerbitan dalam kalangan pegawai penyelidik, malah, penerbitan saintifik seperti kertas kerja, jurnal dan buku ilmiah adalah salah satu daripada *output* penyelidikan agensi.

13. Dari cetusan idea kepada bidang penyelidikan sehinggalah penghasilan karya penulisan, adakalanya tidak mudah seperti yang difikirkan kecuali bagi mereka yang mempunyai bakat semulajadi dalam penulisan.
14. Adalah perlu diingatkan, karya saintifik bukan hanya untuk mereka yang berada dalam ruang lingkup sains tetapi ia boleh disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami dan nilai-nilainya mudah terserap dalam jiwa setiap masyarakat. Namun, yang menjadi kekangannya ialah sikap sesetengah penulis yang lebih suka menghasilkan karya atau artikel bagi golongan dalam kalangan khusus sahaja. Kesannya, impak kepada khalayak adalah terhad dan tidak meluas.

Hadirin dan hadirat sekalian,

## **PENUTUP**

15. Saya berharap agar seminar ini dapat menjadi satu platform percambahan pendapat dan kepakaran di antara penulis dan penerbit dalam penghasilan karya, mendedahkan peserta kepada teknik dan etika penulisan, membincangkan peranan, masa depan dan cabaran penulisan dan penerbitan saintifik, isu penerbitan dalam media cetak dan media elektronik serta lain-lain lagi.
16. Bukan itu sahaja, malah ia dapat memberi pendedahan yang bermanfaat kepada semua bagi meningkatkan mutu dan produktiviti penerbitan, disamping melonjakkan profesionalisme dan daya penulisan tuan-tuan dan puan-puan. Selain itu, ianya dapat mencetus naluri dan mendorong semangat untuk terus

berkarya. Saya yakin dan percaya, percambahan ilmu yang tercetus daripada seminar ini kelak akan berupaya melahirkan modal insan yang berkualiti bagi memperkasa dunia penerbitan saintifik secara lestari dan sekaligus memacu pembangunan untuk kesejahteraan kita dan generasi yang akan datang.

Hadirin dan hadirat sekalian,

17. Sebelum saya akhiri ucapan, saya turut ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan kerjasama, **Dewan Bahasa & Pustaka (DBP)** serta disokong oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), PTS Media Group (PTS), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN) dan Majalahsains.com. kerana turut sama menyokong penganjuran seminar kali ke-14 ini.
18. Tidak dilupakan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam seminar dan bengkel ini, baik pembentang kertas kerja, pengerusi sesi dan juga peserta, sehingga program ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan jayanya.
19. Saya juga berharap, program selama tiga hari ini diberkati, dan untuk para peserta diucapkan selamat berseminar dan berbengkel.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah.  
Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**